



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30/12/2018

# Mungkinkah saya dapat melihat perubahan? – Tun M

UM - 30/12/2018 m/s. 6

**PUTRAJAYA 29 Dis.** – Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, masa sudah tidak banyak untuk beliau melihat perubahan orang Melayu menjadi bangsa yang lebih berjaya di tanah air sendiri.

Beliau berkata, adalah aneh orang Melayu yang sanggup berkongsi negara dengan orang lain, tetapi ketinggalan dalam pelbagai bidang terutama ekonomi disebabkan sikap mereka yang tidak mahu berusaha.

Sehubungan itu, beliau yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) meletakkan harapan kepada Angkatan Anak Muda Bersatu (Armada) agar segera melaksanakan perubahan yang diperlukan bagi menjayakan matlamat perjuangan parti dan negara.

Sebagai generasi pelapis, katanya, Armada harus membuktikan bahawa mereka mampu mengubah diri daripada perso-



**DR. MAHATHIR MOHAMAD** diiringi Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dalam perjumpaan khas bersama perwakilan Armada sempena Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu Kali-2 di Putrajaya, semalam. – MINGGUAN/FARID JANUDIN

naliti tidak berkebolehan kepada personaliti boleh berjaya.

“Inilah harapan kami (pemimpin) yang tua. Masa sudah tidak banyak, mungkinkah dapat saya lihat perubahan yang diperlukan,” katanya ke-

tika berucap pada perjumpaan Pengerusi Bersatu bersama perwakilan Armada sempena Perhimpunan Agung Tahunan Bersatu Kali Ke-2 di Pusat Konvesyen Antarabangsa Putrajaya, di sini hari ini.